



HADIS “YĀSĪN JANTUNG AL-QUR’AN” DALAM MUSNAD AL-BAZZĀR: ANALISIS SANAD DAN KRITIKAN PARA SARJANA HADIS

(The Hadith ‘Yā Sīn is the Heart of the Qur’an’ in Musnad al-Bazzār: An Analysis of the Chain of Transmission and the Criticism of Hadith Scholars)

Amir Asyraf Rushihi, Roshimah Shamsudin

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

Abstract

The hadith widely recognized with the wording “Yā Sīn is the heart of the Qur’an” is among the narrations commonly cited in discussions of *faḍā’il al-Qur’an* and has been broadly practiced within Muslim communities in the Malay Archipelago. However, the level of acceptance of a narration in religious discourse does not necessarily reflect the strength of its chain of transmission according to the discipline of hadith studies, including this particular narration. Accordingly, this article aims to analyze the hadith as transmitted in Musnad al-Bazzār, focusing on the structure of the chain of transmission, the modes of narration, and the critical evaluation of al-Bazzār and other *nuqqād al-ḥadīth*. This study employs a qualitative textual analysis approach by directly examining the narration and al-Bazzār’s commentary in his Musnad. Data were analyzed through methods of collecting narrations (*jam’ al-riwāyāt*), comparing transmission routes (*muqāranah al-marwiyyāt*), and tracing narrations (*sabr al-marwiyyāt*) to identify sanad patterns, elements of *tafarrud*, and possible indications of *‘ilal al-ḥadīth*. Al-Bazzār’s evaluation is also compared with the views of other hadith scholars to arrive at a more comprehensive conclusion. The findings reveal that there are two principal narrations in Musnad al-Bazzār concerning this hadith, both of which contain significant weaknesses. Based on the assessment of the *nuqqād al-ḥadīth*, the first narration is classified as *mawḍū’*. It was criticized by several hadith scholars including al-Tirmidhī who described it as *gharīb*, Aḥmad ibn Ḥanbal who evaluated it as *mawḍū’*, and Abū Ḥātim al-Rāzī who characterized it as a *bāṭil* hadith and emphasized that it has no basis. Meanwhile, the second narration is considered *ḍa’if* by hadith scholars due to the presence of unknown narrators and elements of *tafarrud* at several levels of the chain of transmission. In conclusion, both narrations of the hadith “Yā Sīn is the heart of the Qur’an” fail to meet the criteria of an acceptable hadith. This study underscores the importance of critically examining widely circulated narrations within Muslim society and highlights the role of Musnad al-Bazzār as one of the key sources for detecting *‘ilal al-ḥadīth*.

Keywords: Hadith, Yā Sīn, Musnad al-Bazzār, sanad criticism, hadith scholars.

Article Progress

Received: 12 April 2026
Revised: 4 May 2026
Accepted: 29 May 2026

*Corresponding Author:
Roshimah Shamsudin.
Pusat Pengajian Ilmu
Kemanusiaan, Universiti
Sains Malaysia (USM).

Email:
roshimah@usm.my

PENDAHULUAN

Hadis yang dikenali dengan lafaz “Yāsīn jantung al-Qur’an” merupakan antara riwayat yang sering disebutkan dalam perbincangan berkaitan *faḍā’il al-Qur’an* sama ada dalam penulisan ilmiah, wacana keagamaan mahupun dakwah kontemporari.¹ Kekerapan penyebutan hadis ini mencerminkan pengaruhnya yang signifikan dalam pembinaan kefahaman masyarakat terhadap keutamaan surah

¹ Azrin Wahid. (2021, Julai 16). *Inilah sebab mengapa surah Yasin dikatakan sebagai jantung al-Quran?* UtusanTV. <https://utusan.com/2021/07/16/inilah-sebab-mengapa-surah-yasin-dikatakan-sebagai-jantung-al-quran/>

Yāsīn. Namun demikian, ketersebaran sesuatu riwayat dalam wacana akademik tidak semestinya selari dengan tahap penelitian terhadap status periwayatannya menurut kaedah ilmu hadis yang sistematik.

Beberapa kajian terdahulu telah membincangkan amalan membaca Surah Yāsīn dalam masyarakat Islam dan institusi keagamaan di Nusantara. Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Yusliana yang meneliti tradisi membaca Surah Yāsīn sebelum Shalat Jum'at di Pondok Pesantren Baburrohman, Desa Trapung Raya, Kecamatan Muara Batang Toru, Kabupaten Tapanuli Selatan;² kajian oleh Afriansyah yang meninjau *ma'ānī* hadis tentang jantung al-Qur'an dalam konteks kebiasaan membaca Yāsīn di masyarakat.³ Selain itu, kajian oleh Alfi yang meneliti penghayatan Surah Yāsīn dalam prosesi pembacaan Ratibul Haddad di Majelis Dzikir Nuurul Khairaat, Bolaang Mongondow Utara⁴ dan kajian oleh Ahliya serta Darti yang menganalisis praktik dan pemahaman masyarakat terhadap pembacaan Yāsīn 41 di Desa Besilam, Kecamatan Padang Tualang, Kabupaten Langkat.⁵

Walaupun kajian-kajian ini memberikan gambaran yang penting mengenai amalan membaca Yāsīn, kelompondongan utama yang dapat dikenal pasti ialah mereka tidak meneliti status dan kedudukan hadis tersebut menurut perspektif para sarjana hadis. Sebagai contoh, kajian oleh Afriansyah hanya meletakkan riwayat hadis dan merujuk *Sunan al-Tirmidhi* tanpa menyertakan komentar atau penilaian al-Tirmidhi terhadap hadis berkenaan.

Di samping kajian itu, terdapat juga kajian berorientasikan teks al-Qur'an, seperti kajian oleh Haleem dan 'Abd al-Halim yang menganalisis Surah Yasin dari sudut struktur, tema dan kedudukannya dalam keseluruhan wacana al-Qur'an. Kajian ini menegaskan keistimewaan Surah Yasin sebagai teks yang bersifat teras (*core text*) dari segi mesej akidah dan retorik, namun tidak meneliti secara khusus asas hadis yang sering dijadikan sandaran bagi gelaran "jantung al-Qur'an".⁶

Dalam kajian lain seperti yang dilakukan oleh Rosida, beliau telah meneliti Surah Yasin dalam konteks *Tafsir al-Ibriz* dan memberikan penilaian bahawa hadis "*Yasin jantung al-Qur'an*" tergolong dalam kategori daif. Walaupun begitu, beliau berpendapat bahawa hadis ini masih dapat diamalkan, merujuk kepada pandangan Ibn Hajar al-Haitami dan Syekh Nawawi al-Bantani.⁷ Pendekatan ini menunjukkan usaha untuk menggabungkan penilaian sanad dengan perspektif praktikal dalam amalan masyarakat, namun artikel tersebut tidak mengkaji riwayat ini secara sistematik berdasarkan sumber primer hadis iaitu *Musnad al-Bazzār* dan komentar kritis tokoh *nuqqād* awal. Kekosongan ini menekankan keperluan suatu kajian yang menilai hadis "Yāsīn jantung al-Qur'an" secara terperinci dengan berpandukan sumber primer, terutamanya kitab *Musnad al-Bazzār* bagi menilai sanad dan kredibiliti periwayatan secara sistematik.

Dalam tradisi keilmuan hadis, penilaian terhadap sesuatu riwayat bukan sahaja bergantung kepada penerimaannya dalam masyarakat atau kekerapan penggunaannya dalam penulisan, bahkan bertumpu kepada analisis sanad, perbandingan jalur periwayatan dan penilaian para *nuqqād* terhadap kekuatan

² Yusliana, Y. (2024). *Tradisi membaca surah Yasin sebelum shalat Jum'at di Pondok Pesantren Baburrohman di Desa Trapung Raya Kecamatan Muara Batang Toru Kabupaten Tapanuli Selatan* [Doctoral dissertation, UIN Syekh Ali Hasan Ahmad Addary Padangsidimpuan], hlm. 3.

³ Afriansyah, J. A. J. (2024). Tinjauan *ma'anil* hadis tentang jantung Al-Qur'an terhadap kebiasaan membaca Yasin di masyarakat. *Ta'wiluna: Jurnal Ilmu Al-Qur'an, Tafsir dan Pemikiran Islam*, (3), 654–665, hlm. 655.

⁴ Alfi, M. (2025). *Penghayatan surah Yasin dalam prosesi pembacaan Ratib al-Haddad di majelis dzikir Nuurul Khairaat cabang Bolaang Mongondow Utara (studi living Qur'an)* [Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Datokarama Palu], hlm. 53.

⁵ Ahliya, S., & Darti, A. (2024). Analisis praktik dan pemahaman masyarakat terhadap pembacaan Yasin 41 (studi living Qur'an di Desa Besilam Kecamatan Padang Tualang Kabupaten Langkat). *Kamaya: Jurnal Ilmu Agama*, 7(2), 226–239, hlm. 228.

⁶ Haleem, M. A. S. A. (2013). The core of the Qur'an: Sūrat Yā Sīn (Q. 36) / قلب القرآن؛ سورة يس. *Journal of Qur'anic Studies*, 15(2), 65–82. <http://www.jstor.org/stable/24280440>, hlm. 65.

⁷ Rosida, S. (2017). Surah Yasin dalam tafsir al-Ibriz. *Diya Al-Afkar: Jurnal Studi al-Qur'an dan al-Hadis*, 5(2), 243–260, hlm. 246.

serta kelemahan perawi yang terlibat.⁸ Sehubungan dengan itu, hadis “*Yāsīn jantung al-Qur’an*” telah menjadi subjek perbahasan dalam kalangan sarjana hadis khususnya berkaitan isu kelemahan sanad dan ketiadaan sokongan periwayatan yang kukuh dalam sebahagian jalurnya.⁹ Walau bagaimanapun, perbahasan ini sering dikemukakan secara umum tanpa penelitian mendalam terhadap sumber hadis primer yang menampilkan komentar kritis periwayatan secara eksplisit.

Musnad al-Bazzār merupakan antara karya hadis awal yang menonjolkan pendekatan yang berbentuk analitis dalam genre penulisan *musnad*, sekali gus melangkaui fungsi sebagai kompilasi riwayat semata-mata. Karya ini bukan sahaja menghimpunkan hadis berdasarkan susunan sahabat, bahkan turut memuatkan ulasan al-Bazzār terhadap jalur sanad, unsur *al-tafarrud* dan ketiadaan *mutāba‘āt* serta *shawāhid* bagi sesuatu riwayat. Pendekatan ini memperlihatkan kepakaran beliau terhadap pengesanan ‘*ilal al-ḥadīth*, khususnya melalui penekanan terhadap elemen *gharīb* dan *tafarrud* yang dianggap sebagai petunjuk penting kepada kelemahan riwayat. Keistimewaan *Musnad al-Bazzār* turut terserlah melalui metodologinya dalam mengelompokkan riwayat berdasarkan sahabat, perawi yang meriwayatkan daripada mereka serta kategori *buldān* yang memudahkan pengesanan peringkat *ṭabaqāt* berlakunya kesilapan periwayatan. Selain itu, penerapan kaedah *jam‘u al-ṭuruq* dan *al-muqāranah* dalam penilaian hadis mencerminkan ketelitian analisis dan kepakaran intelektual al-Bazzār dalam tradisi kritikan hadis awal. Oleh itu, *Musnad al-Bazzār* bukan sahaja signifikan dalam kajian ilmu *al-‘ilal*, malah turut menjadi rujukan penting dalam menilai hadis-hadis yang tersebar luas dalam masyarakat.¹⁰

Namun demikian, penelitian khusus yang menumpukan analisis terhadap riwayat hadis “*Yāsīn jantung al-Qur’an*” berdasarkan pendekatan al-Bazzār dalam *Musnad*-nya masih didapati terhad. Kebanyakan kajian sedia ada seperti yang telah dinyatakan sebelum ini cenderung merujuk kepada penilaian umum sebahagian sarjana tanpa mengaitkannya secara langsung dengan manhaj kritikan periwayatan yang diaplikasikan oleh al-Bazzār. Justeru, kekosongan ini membuka ruang untuk suatu kajian yang menilai kedudukan hadis tersebut melalui analisis sanad yang lebih mendalam berpaksikan sumber hadis primer dan komentar kritis tokoh *nuqqād awal*, di mana hasil kajian turut disusun dalam bentuk jadual infografik bagi memudahkan pemahaman dan rujukan pembaca. Berdasarkan latar belakang tersebut, artikel ini bertujuan untuk menganalisis riwayat hadis “*Yāsīn jantung al-Qur’an*” sebagaimana yang diriwayatkan dalam *Musnad al-Bazzār* dengan memberi tumpuan kepada aspek periwayatan, penilaian sanad, implikasi kritikan al-Bazzār terhadap kedudukan hadis tersebut dan perbandingan kritikan al-Bazzār dengan tokoh *nuqqād al-ḥadīth* yang lain. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih seimbang antara populariti sesuatu riwayat dalam wacana dakwah dan penilaiannya menurut disiplin ilmu hadis yang berteraskan metodologi kritikan klasik.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian teks dengan menumpukan analisis terhadap hadis yang menyifatkan Surah Yāsīn sebagai jantung al-Qur’an sebagaimana diriwayatkan dalam *Musnad al-Bazzār*. Data kajian diperoleh melalui penelitian langsung terhadap teks hadis dan komentar al-Bazzār khususnya dalam aspek sanad dan bentuk periwayatan. Pendekatan ini bertujuan memahami secara mendalam kaedah penilaian yang digunakan oleh al-Bazzār dalam mengemuka dan mengulas riwayat berkenaan dalam kerangka kritikan hadis (*naqd al-ḥadīth*).

⁸ Alit, N. A., Yabi, S., & Ismail, M. Y. (2023). Aplikasi Tabayyun dalam Penerimaan Hadith dan Kepentingannya dalam Mengekang Penyebaran Hadith Palsu di Malaysia: Application of Tabayyun and Its Importance in Limiting the Spreading of Fabricated Hadis in Malaysia. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 10(1), 120-132, hlm. 124.

⁹ Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī. (1992). *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah wa Atharuhā al-Sayyi‘ fi al-Ummah* (Cet. 1, jld. 1, hlm. 312). Riyadh: Dār al-Ma‘ārif.

¹⁰ Rushihi, A. A. (2025). Ketokohan dan pengaruh al-Bazzār dalam ilmu hadith: Tinjauan terhadap *Musnad al-Bazzār*. *Journal of Hadith Studies*, 10 (1), 33–41. <https://journalofhadith.usim.edu.my/index.php/johs/article/view/345>, hlm. 35

Analisis data dilaksanakan melalui kaedah pengumpulan riwayat (*jam‘u al-riwāyāt*), diikuti dengan perbandingan periwayatan (*muqāranah al-marwiyyāt*) bagi mengenal pasti kepelbagaian sanad, corak periwayatan dan fenomena yang wujud dalam riwayat-riwayat tersebut. Komentar al-Bazzār kemudiannya dibandingkan dengan penilaian para pengkritik hadis (*nuqqād al-ḥadīth*) yang lain bagi meneliti titik persamaan dan perbezaan pendekatan kritikan. Berdasarkan analisis perbandingan ini, kajian akhirnya menetapkan penilaian terhadap status dan kredibiliti hadis berkenaan selaras dengan prinsip dan kaedah kritik hadis yang muktabar.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan penelitian terhadap keseluruhan riwayat hadis dalam *Musnad al-Bazzār*, kajian ini menemui dua riwayat berkaitan hadis “Yasin jantung al-Quran” yang diriwayatkan melalui dua jalur sanad yang berbeza, iaitu seperti yang berikut:

Riwayat pertama:

حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ، حَدَّثَنَا قَتِيْبَةُ، حَدَّثَنَا حُمَيْدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ، عَنْ الْحَسَنِ بْنِ صَالِحٍ، عَنْ هَارُونَ عَنْ مُقَاتِلِ بْنِ حَيَّانَ، عَنْ قَتَادَةَ، عَنْ أَنَسٍ؛ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: ((لِكُلِّ شَيْءٍ قَلْبٌ وَقَلْبُ الْقُرْآنِ يَس)).

Al-Bazzār meriwayatkan dengan lafaz: “Telah menceritakan kepada kami Ismā‘īl bin ‘Abd Allāh, telah menceritakan kepada kami Qutaybah, telah menceritakan kepada kami Humayd bin ‘Abd al-Rahmān, daripada al-Ḥasan bin Ṣāliḥ, daripada Hārūn, daripada Muqātil bin Ḥayyān, daripada Qatādah, daripada Anas, bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda: ‘Setiap sesuatu mempunyai jantung dan jantung al-Qur’an ialah Surah Yasin.’”¹¹

Walaupun al-Bazzār tidak mengemukakan sebarang komentar atau penjelasan terhadap riwayat ini, namun periwayatannya dalam *Musnad al-Bazzār* memberi isyarat bahawa hadis tersebut mempunyai petanda ‘*ilal*’ yang wajar diberikan perhatian oleh para pengkaji hadis. Hal ini demikian kerana karya beliau ini yang turut dikenali sebagai *al-Musnad al-Mu‘allal* tidak sekadar berfungsi sebagai himpunan riwayat, bahkan menjadi medan penzahiran riwayat-riwayat yang dinilai mempunyai kecacatan tersembunyi yang memerlukan penelitian kritis dari sudut kesinambungan sanad, unsur *tafarrud* dan *gharib* dalam periwayatan.¹² Oleh itu, pendekatan al-Bazzār memasukkan riwayat ini seolah-olah memberi petunjuk dari sudut pendekatan ilmiah bahawa sanad dan matannya perlu dianalisis secara mendalam menurut metodologi para *nuqqād al-ḥadīth*.

Berdasarkan penelitian terhadap sanad hadis ini daripada sumber-sumber primer riwayat hadith, hadith tersebut didapati turut diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam *Sunan*-nya melalui sanad yang bersumber daripada Qutaybah bin Sa‘īd dan Sufyān bin Wakī‘, daripada Humayd bin ‘Abd al-Rahmān, daripada al-Ḥasan bin Ṣāliḥ, daripada Hārūn Abī Muḥammad, daripada Muqātil bin Ḥayyān, daripada Qatādah, daripada Anas bin Mālik, daripada Nabi SAW.¹³ Hadis yang sama turut diriwayatkan oleh al-Marwazī melalui sanadnya daripada Naṣr bin ‘Alī yang meriwayatkannya secara *wijādah* daripada kitab catatan ‘Abd Allāh bin Dāwūd, seterusnya daripada al-Ḥasan bin Ṣāliḥ, daripada Hārūn Abī Muḥammad, daripada Muqātil bin Ḥayyān, daripada Qatādah, daripada Anas bin Mālik, daripada Nabi SAW.¹⁴

Hadis ini juga diriwayatkan dalam *al-Sunan* oleh al-Daylamī melalui sanad daripada Muḥammad bin Sa‘īd, daripada Humayd bin ‘Abd al-Rahmān, daripada al-Ḥasan bin Ṣāliḥ, daripada Hārūn Abī

¹¹ Al-Bazzār, A. B. A. (1988–2009). *Musnad al-Bazzār (al-Baḥr al-Zakḥkhār)* (M. al-Rahmān Zayn Allāh, ‘Ā. b. Sa‘īd, & Ṣ. ‘A. al-Shāfi‘ī, Eds., 18 vols.). Maktabat al-‘Ulūm wa al-Ḥikam.No. 7282.

¹² Muḥammad ‘Amr bin ‘Abd al-Latif bin Muḥammad bin ‘Abd al-Qadir bin Ridwan bin Sulaiman bin Miftah bin Shāhin al-Shanqīti (w. 1429H), *Aḥādīth wa Riwayāt fī al-Mizān 2 – Ḥadīth al-Faynah*, bahagian *al-Takhrīj wa al-Aṭraf*, Makkah al-Mukarramah: Multaqā Ahl al-Ḥadīth, hlm. 174.

¹³ Al-Tirmidhī, M. b. ‘Īsā b. Sawrah b. Mūsā b. al-Ḍaḥḥāk. (1998). *al-Jāmi‘ al-kabīr (Sunan al-Tirmidhī)* (B. ‘A. Ma‘rūf, Ed.). Dār al-Gharb al-Islāmī, No. 2887, j. 5, hlm. 162.

¹⁴ Al-Marwazī, M. b. Naṣr b. al-Ḥajjāj. (1988). *Mukhtaṣar qiyām al-layl wa qiyām Ramaḍān wa kitāb al-witr* (Aḥmad b. ‘Alī al-Maqrīzī, Ed.). Ḥadīth Academy, Faisalabad, hlm. 168.

Muhammad, daripada Muqātil bin Ḥayyān, daripada Qatādah, daripada Anas bin Mālik, daripada Nabi SAW.¹⁵

Di samping itu, hadis ini turut diriwayatkan oleh al-Quḍā'ī dalam *Musnad*-nya¹⁶ dan oleh al-Bayhaqī dalam *Shu'ab al-Īmān*¹⁷ melalui rangkaian sanad guru-guru mereka sehingga kepada Qutaybah bin Sa'īd, seterusnya kepada Nabi SAW sebagaimana yang turut diriwayatkan oleh al-Bazzār dan para *muhaddithīn* yang lain.

Jadual 1.0 *Madār* bagi kesemua jalur riwayat ini ialah al-Ḥasan bin Šāliḥ

<i>Musnad al-Bazzār</i>	<i>Sunan al-Tirmidhī</i>	<i>Mukhtaṣar Qiyām al-Layl wa-Qiyām Ramaḍān wa-Kitāb al-Witr</i>	<i>Musnad al-Dārimī</i>	<i>Musnad al-Shihāb</i>	<i>Shu'ab al-Īmān</i>
Nabi Muhammad SAW	Nabi Muhammad SAW	Nabi Muhammad SAW	Nabi Muhammad SAW	Nabi Muhammad SAW	Nabi Muhammad SAW
Anas	Anas	Anas	Anas	Anas	Anas
Qatādah	Qatādah	Qatādah	Qatādah	Qatādah	Qatādah
Muqātil bin Ḥayyān	Muqātil bin Ḥayyān	Muqātil bin Ḥayyān	Muqātil bin Ḥayyān	Muqātil bin Ḥayyān	Muqātil bin Ḥayyān
Hārūn Abī Muhammad	Hārūn Abī Muhammad	Hārūn Abī Muhammad	Hārūn Abī Muhammad	Hārūn Abī Muhammad	Hārūn Abī Muhammad
Al-Ḥasan bin Šāliḥ	Al-Ḥasan bin Šāliḥ	Al-Ḥasan bin Šāliḥ	Al-Ḥasan bin Šāliḥ	Al-Ḥasan bin Šāliḥ	Al-Ḥasan bin Šāliḥ
Ḥumayd bin 'Abd al-Raḥmān	Ḥumayd bin 'Abd al-Raḥmān	'Abd Allāh bin Dāwūd	Ḥumayd bin 'Abd al-Raḥmān	Ḥumayd bin 'Abd al-Raḥmān	Ḥumayd bin 'Abd al-Raḥmān
Qutaybah	Qutaybah	Naṣr bin 'Alī	Muhammad bin Sa'īd	Qutaybah	Qutaybah
Ismā'īl bin 'Abd Allāh	al-Tirmidhī	al-Marwazī	al-Daylamī	Alī bin 'Abd al-'Azīz.	Dāwūd bin al-Ḥusayn

¹⁵ Al-Dārimī, 'Abd Allāh b. 'Abd al-Raḥmān. (2015). *Musnad al-Dārimī* (M. b. Hayyās Āl Marzūq al-Zahrānī, Ed.). (1st ed., 2 vols.). Ṭubia 'alā nafaqat Jum'ān b. Ḥasan al-Zahrānī, No. 3619, j. 2, hlm. 1083.

¹⁶ Al-Quḍā'ī, Muhammad b. Salāmah b. Ja'far b. 'Alī b. Ḥakamūn. (1986). *Musnad al-Shihāb* (Ḥamdī b. 'Abd al-Majīd al-Salafi, Ed.). (2nd ed., 2 vols.). Mu'assasat al-Risālah, No. 1035, j. 2, hlm. 130.

¹⁷ Al-Bayhaqī, A. b. al-Ḥusayn b. 'Alī b. Mūsā al-Khusrawjirdī. (2003). *Shu'ab al-Īmān* ('Abd al-'Alī 'Abd al-Ḥamīd Ḥamīd, Ed.; Mukhtār Aḥmad al-Nadwī, Supervising Ed.). (1st ed., 14 vols.). Maktabat al-Rushd, No. 2233, j. 4, hlm. 94.

Al-Bazzār				Aḥmad bin Ibrāhīm bin Jāmi‘	Abū Ḥāmid Aḥmad bin Muḥammad bin al-Ḥusayn al-Khusrūjirdī
				‘Abd al-Raḥmān bin ‘Umar al-Naḥḥās	Abū ‘Abd Allāh al-Ḥāfiẓ
				al-Quḍā‘ī	al-Bayhaqī

Berdasarkan riwayat tersebut, *madār* bagi periwayatan hadis ini ialah al-Ḥasan bin Ṣāliḥ. Beliau meriwayatkan hadis ini kepada dua orang perawi, iaitu Ḥumayd bin ‘Abd al-Raḥmān dan ‘Abd Allāh bin Dāwūd. Hasil penelitian terhadap karya-karya sumber primer hadis menunjukkan bahawa kesinambungan periwayatan Ḥumayd bin ‘Abd al-Raḥmān daripada al-Ḥasan bin Ṣāliḥ tidak dipertikaikan oleh para sarjana hadis. Kesinambungan periwayatan tersebut diriwayatkan dalam beberapa karya hadith, antaranya ialah *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* dan *al-Muṣannaf* oleh Ibn Abī Shaybah dan selainnya.

Namun demikian, pertikaian timbul pada periwayatan al-Ḥasan bin Ṣāliḥ daripada Hārūn Abī Muḥammad. Al-Tirmidhī mengemukakan penilaian *‘ilal* terhadap hadis ini dengan menyatakan bahawa Hārūn Abī Muḥammad dinilai sebagai perawi *majhūl*.¹⁸ Selain itu, Aḥmad ibn Ḥanbal turut memberikan isyarat keraguan terhadap perawi tersebut dengan menegaskan bahawa Hārūn Abī Muḥammad bukanlah Hārūn bin Sa‘d al-Kūfī,¹⁹ iaitu perawi yang hadisnya diriwayatkan oleh al-Ḥasan bin Ṣāliḥ sebagaimana diriwayatkan oleh Muslim dalam *Ṣaḥīḥ* beliau.²⁰

Berdasarkan analisis penelusuran riwayat-riwayat (*sabr al-marwiyyāt*) terhadap perawi bernama Hārūn Abī Muḥammad, didapati bahawa tidak ada sebarang periwayatan lain yang direkodkan daripada beliau, melainkan hadith ini semata-mata.

Selain isu *majhūl* pada perawi bernama Hārūn Abī Muḥammad, periwayatan hadis ini turut dipertikaikan dari sudut *tafarrud* Muqātil bin Ḥayyān. Menurut al-Tirmidhī, hadis ini tidak diriwayatkan daripada Qatādah oleh para perawi Basrah yang lain, sebaliknya hanya diriwayatkan melalui Muqātil bin Ḥayyān sahaja. Hakikatnya, Qatādah merupakan seorang perawi yang masyhur di Basrah dan mempunyai bilangan murid dan perawi yang ramai. Oleh itu, keterbatasan periwayatan hadis ini kepada seorang perawi sahaja daripadanya menimbulkan unsur *tafarrud* yang mencurigakan, sekali gus membuka ruang kepada pertikaian dari sudut kekuatan sanad. Sehubungan itu, penilaian al-Tirmidhī yang mengklasifikasikan hadis ini sebagai *gharīb* adalah selari dengan kaedah kritikan hadis yang diterapkan oleh para sarjana hadis.

Nuqqād seperti Abū Ḥātim al-Rāzī turut ditanya berkenaan hadis ini yang diriwayatkan kepadanya melalui jalur Ibn Abī Shaybah dan Qutaybah bin Sa‘īd, daripada Ḥumayd bin ‘Abd al-Raḥmān, daripada al-Ḥasan bin Ṣāliḥ, daripada Hārūn Abī Muḥammad, daripada Muqātil, daripada Qatādah, daripada Anas bin Mālik, daripada Nabi SAW. Beliau menjelaskan bahawa perawi bernama Muqātil yang

¹⁸ Al-Tirmidhī, M. b. ‘Īsā b. Sawrah b. Mūsā b. al-Ḍaḥḥāk. (1998). *al-Jāmi‘ al-kabīr (Sunan al-Tirmidhī)* (B. ‘A. Ma‘rūf, Ed.). Dār al-Gharb al-Islāmī, No. 2887, j. 5, hlm. 162.

¹⁹ Aḥmad b. Ḥanbal, A. b. Muḥammad b. Hilāl al-Shaybānī. (2001). *al-‘Ilal wa ma‘rifat al-rijāl* (Waṣī Allāh b. Muḥammad ‘Abbās, Ed.). (2nd ed., 3 vols.). Dār al-Khānī, No. 1330, j. 1, hlm. 557.

²⁰ Muslim b. al-Ḥajjāj al-Naysābūrī. (t.t.). *al-Musnad al-ṣaḥīḥ al-mukhtaṣar bi-naql al-‘adl ‘an al-‘adl ilā Rasūl Allāh ṣallā Allāh ‘alayhi wa-sallam (Ṣaḥīḥ Muslim)* (Muḥammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqī, Ed.). (5 vols.). Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, j. 4, hlm. 2189.

dimaksudkan dalam sanad ini sebenarnya ialah Muqātil bin Sulaymān, bukan Muqātil bin Ḥayyān. Abū Ḥātim turut menyatakan bahawa beliau pernah melihat hadis ini dalam karya terawal yang ditulis oleh Muqātil bin Sulaymān dan menegaskan bahawa hadis tersebut adalah hadis *bāṭil* dan tidak mempunyai sebarang asal.²¹

Berdasarkan analisis penelusuran riwayat-riwayat (*sabr al-marwiyyāt*) terhadap perawi Muqātil bin Ḥayyān, didapati bahawa tidak direkodkan sebarang periwayatan hadith lain oleh beliau daripada Qatādah selain hadith ini sahaja. Justeru, riwayat ini telah menerima kritikan daripada para *nuqqād al-ḥadīth*. Al-Tirmidhī menilainya sebagai *gharīb*,²² manakala Aḥmad ibn Ḥanbal pula menilai hadis ini sebagai *mawḍūʿ* (palsu).²³ Penilaian tersebut diperkukuh oleh Abū Ḥātim al-Rāzī yang menyifatkannya sebagai hadis *bāṭil* selain menegaskan bahawa riwayat tersebut tidak mempunyai asal (*lā aṣla lahū*).²⁴ Berdasarkan penilaian para *nuqqād al-ḥadīth* tersebut, hadis ini lebih tepat dinilai sebagai *mawḍūʿ*. Penilaian ini juga selari dengan manhaj al-Bazzār yang memasukkan riwayat ini dalam *Musnad al-Bazzār*, iaitu suatu pendekatan yang secara konsisten mencerminkan kecenderungan beliau untuk menampilkan hadis-hadis yang mengandungi indikasi *ʿilal al-ḥadīth* bagi tujuan penelitian kritis terhadap sanad dan matannya.

Riwayat Kedua:

حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ الْفَضْلِ حَدَّثَنَا زَيْدٌ حَدَّثَنَا حَمِيدٌ، عَنْ عَطَاءٍ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((إِنَّ لِكُلِّ شَيْءٍ قَلْبًا وَقَلْبُ الْقُرْآنِ يَس)).

Al-Bazzār meriwayatkan: “Telah menceritakan kepada kami ‘Abd al-Raḥmān bin al-Faḍl, telah menceritakan kepada kami Zayd, telah menceritakan kepada kami Ḥumayd, daripada ‘Aṭā’, daripada Abū Hurayrah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda: ‘Setiap sesuatu mempunyai jantung, dan jantung al-Qur’an ialah Surah Yasin.’”

Selanjutnya, al-Bazzār memberikan komentar bahawa hadis ini tidak diketahui mempunyai sebarang jalur periwayatan lain selain daripada riwayat Zayd daripada Ḥumayd.²⁵ Kenyataan ini sekali gus memperlihatkan unsur *tafarrud* pada sanad tersebut yang menuntut penelitian dari sudut *ʿilal al-ḥadīth*.

Berdasarkan penelusuran terhadap sumber-sumber periwayatan hadis, didapati bahawa hadis ini hanya diriwayatkan melalui satu jalur periwayatan iaitu melalui al-Bazzār sahaja. Riwayat tersebut kemudiannya dinukilkan oleh ‘Abd al-Haqq al-Ishbīlī dalam *al-Aḥkām al-Kubrā*²⁶ dan Ibn al-Qaṭṭān al-Fāsī dalam *Bayān al-Wahm*²⁷ dengan penisbahan sanad secara langsung kepada al-Bazzār tanpa disertai sebarang jalur periwayatan lain yang dapat dikesan dalam karya-karya hadis *mutaqaddimīn*. Ketiadaan riwayat hadith dengan sanad tersebut daripada sumber primer hadith yang awal ini merupakan salah satu petanda yang menunjukkan kemungkinan terdapat kelemahan dalam sanad hadis tersebut. Keadaan

²¹ Ibn Abī Ḥātim al-Rāzī, ‘Abd al-Raḥmān b. Muḥammad b. Idrīs al-Tamīmī al-Ḥanzalī. (2006). *al-ʿIlal* (S. b. ‘Abd Allāh al-Ḥumayd & Kh. b. ‘Abd al-Raḥmān al-Juraysī, Eds.). (1st ed., 7 vols.). Maṭābi‘ al-Ḥumaydī, No. 1652, j. 4, hlm. 578.

²² Al-Tirmidhī, M. b. ‘Isā b. Sawrah b. Mūsā b. al-Ḍaḥḥāk. (1998). *al-Jāmi‘ al-kabīr (Sunan al-Tirmidhī)* (B. ‘A. Ma‘rūf, Ed.). Dār al-Gharb al-Islāmī, No. 2887, j. 5, hlm. 162

²³ Ibn Qudāmah al-Maqdisī, ‘Abd Allāh b. Aḥmad b. Muḥammad. (t.t.). *al-Muntakhab min ʿIlal al-Khallāl (wa ma ahu tatimmah)* (Tāriq b. ‘Awḍ Allāh b. Muḥammad, Ed.). Dār al-Rāyah lil-Nashr wa al-Tawzī‘, No. 50, j. 1, hlm. 117.

²⁴ Ibn Abī Ḥātim al-Rāzī, ‘Abd al-Raḥmān b. Muḥammad b. Idrīs al-Tamīmī al-Ḥanzalī. (2006). *al-ʿIlal* (S. b. ‘Abd Allāh al-Ḥumayd & Kh. b. ‘Abd al-Raḥmān al-Juraysī, Eds.). (1st ed., 7 vols.). Maṭābi‘ al-Ḥumaydī, No. 1652, j. 4, hlm. 578.

²⁵ Al-Bazzār, A. B. A. (1988–2009). *Musnad al-Bazzār (al-Baḥr al-Zakḥkhār)* (M. al-Raḥmān Zayn Allāh, ‘Ā. b. Sa‘d, & S. ‘A. al-Shāfi‘ī, Eds., 18 vols.). Maktabat al-‘Ulūm wa al-Ḥikam, No. 9313, j. 16, hlm. 190.

²⁶ Ibn al-Kharrāt, ‘Abd al-Haqq ibn ‘Abd al-Raḥmān ibn ‘Abd Allāh al-Andalusī al-Ishbīlī. (2001). *Al-Aḥkām al-shar‘iyyah al-kubrā* (H. ibn ‘Ukāshah, Ed.). Riyadh, Saudi Arabia: Maktabat al-Rushd, j. 44, hlm. 33.

²⁷ Ibn al-Qaṭṭān, ‘Alī ibn Muḥammad ibn ‘Abd al-Malik al-Kattāmī al-Ḥumayrī al-Fāsī. (1997). *Bayān al-wahm wa al-ihām fī kitāb al-aḥkām* (al-Ḥ. Āyt Sa‘īd, Ed.). Riyadh, Saudi Arabia: Dār Ṭaybah, No. 2223, j. 4, hlm. 661

ini sekali gus menjadi petunjuk bahawa riwayat tersebut cenderung kepada penilaian *ḍa'īf*. Hal ini selari dengan penegasan Ibn al-Ṣalāḥ dalam perbincangan berkaitan penilaian kesahihan hadis bahawa sesuatu riwayat yang dinukil daripada *ajzā' al-ḥadīth* dan seumpamanya tidak boleh dinilai sebagai sahih secara pasti hanya berdasarkan zahir sanad semata-mata. Justeru, apabila ditemui sebuah hadis yang pada zahirnya memiliki sanad yang sahih, namun tidak disertai sebarang jalur periwayatan lain yang dapat dikesan dalam karya-karya hadis *mutaqaddimīn*, serta tidak terdapat dalam mana-mana kitab *al-Ṣaḥīḥayn* atau dinyatakan secara jelas kesahihannya dalam karya-karya para sarjana hadis yang muktabar dan masyhur, maka penetapan terhadap kesahihan hadis tersebut secara muktamad tidak dapat dilakukan.²⁸

Berdasarkan penelitian lanjut, analisis terhadap kesinambungan periwayatan menunjukkan bahawa 'Aṭā' bin Abī Rabāḥ merupakan perawi yang masyhur meriwayatkan hadis daripada Abū Hurayrah RA. Namun, kejanggalan dalam riwayat ini terletak pada hakikat bahawa hadis tersebut hanya diriwayatkan melalui seorang perawi sahaja daripada 'Aṭā', iaitu Ḥumayd. Al-Bazzār dalam *Musnad*-nya pada hadis sebelumnya menjelaskan bahawa Ḥumayd yang dimaksudkan ialah Ḥumayd al-Makkī, mawlā Ali 'Alqamah. Berdasarkan analisis penelusuran riwayat-riwayat (*sabr al-marwiyyāt*) terhadap Ḥumayd al-Makkī didapati bahawa beliau tergolong dalam kalangan perawi yang sedikit meriwayatkan hadis dan semua riwayatnya berstatus *gharīb*. Selain itu, al-Bazzār dan Ibn 'Adī turut menegaskan bahawa tidak diketahui sebarang perawi lain yang meriwayatkan hadis daripadanya kecuali Zayd bin al-Ḥubāb sahaja.²⁹

Secara umumnya, Zayd bin al-Ḥubāb dinilai *thiqah* oleh 'Alī al-Madīnī dan Yahyā bin Ma'īn, malah periwayatannya turut diterima oleh Muslim dalam *Ṣaḥīḥ* beliau.³⁰ Penilaian ini menunjukkan kedudukan Zayd bin al-Ḥubāb sebagai perawi yang diterima dari sudut '*adalah* dan *dabt* periwayatan secara amnya.

Manakala 'Abd al-Raḥmān bin al-Faḍl bin Muwaffaq pula secara umumnya dinilai *thiqah* oleh Ibn Ḥibbān³¹ dan Ibn Qaṭlūbahā³². Namun, berdasarkan analisis penelusuran riwayat-riwayat (*sabr al-marwiyyāt*) terhadap periwayatan beliau dalam sumber-sumber primer hadis, didapati bahawa 'Abd al-Raḥmān bin al-Faḍl hanya direkodkan meriwayatkan hadis daripada dua orang guru sahaja, iaitu bapanya al-Faḍl bin Muwaffaq dan Abū Usāmah. Penelusuran lanjut mendapati bahawa hanya al-Bazzār sahaja yang merekodkan periwayatan 'Abd al-Raḥmān bin al-Faḍl daripada Zayd bin al-Ḥubāb dengan jumlah keseluruhan sebanyak dua buah hadis sahaja sekali gus memperlihatkan keterbatasan jalur periwayatan tersebut.

Sementara itu, bapanya al-Faḍl bin Muwaffaq iaitu Ibn Abī al-Muṭṭa'id Abū al-Jahm al-Faḍl bin Muwaffaq al-Kūfī, telah diberikan komentar oleh Abū Ḥātim al-Rāzī sebagai seorang yang *ṣāliḥ* dari sudut keperibadian, namun *ḍa'īf* dalam periwayatan hadis. Bahkan, beliau juga dilaporkan meriwayatkan hadith yang bersifat palsu yang secara langsung memberi implikasi terhadap kekuatan riwayat-riwayat yang melalui jalurnya.

Sarjana hadis kontemporari seperti Maḥmūd bin Muḥammad al-Malāḥ mengklasifikasikan hadis ini dalam himpunan riwayat *ḍa'īf* dan *mawḍū'* yang dinukilkan daripada *Tafsīr Ibn Kathīr* dengan

²⁸ 'Uthmān bin 'Abd al-Raḥmān Ibn al-Ṣalāḥ. (2002). *Ma'rifah Anwā' 'Ilm al-Ḥadīth* (Tahqiq oleh 'Abd al-Laṭīf al-Hamīm & Māhir Yāsīn al-Faḥl), Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlm. 83.

²⁹ Ibn 'Adī, 'Abd Allāh ibn 'Adī al-Jurjānī. (1997). *Al-kāmil fī ḍu'afā' al-rijāl* ('Ā. A. 'Abd al-Mawjūd & 'A. M. Mu'awwad, Eds.; with contribution by 'A. al-F. Abū Sunnah). Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 3, hlm. 76.

³⁰ Muslim b. al-Ḥajjāj al-Naysābūrī. (t.t.). *al-Musnad al-ṣaḥīḥ al-mukhtaṣar bi-naql al-'adl 'an al-'adl ilā Rasūl Allāh ṣallā Allāh 'alayhi wa-sallam (Ṣaḥīḥ Muslim)* (Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī, Ed.). (5 vols.). Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, No. 234, j. 1, hlm. 210.

³¹ Ibn Hibbān, Muḥammad ibn Hibbān al-Bustī. (1973). *Al-thiqāt* (M. 'A. al-Mu'īd Khān, Superv., 9 vols.). Hyderabad, India: Dā'irat al-Ma'ārif al-'Uthmāniyyah, j. 8, hlm. 382.

³² Ibn Qaṭlūbahā, Qāsim ibn Qaṭlūbahā al-Hanafī. (2011). *Al-thiqāt mimman lam yaq'a fī al-kutub al-sittah* (Sh. M. S. Āl Nu'mān, Ed., 9 vols.). Ṣan'ā', Yemen: Markaz al-Nu'mān li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah, No. 6698, j. 6, hlm. 289.

menukilkan komentar al-Tirmidhī seperti pada riwayat pertama yang menegaskan kelemahan sanad tersebut.³³ Manakala Muḥammad ‘Amr bin ‘Abd al-Laṭīf menilai riwayat ini sebagai daif dengan menjelaskan faktor ‘illah pada sanad iaitu kewujudan dua perawi *majhūl* iaitu ‘Abd al-Raḥmān bin al-Faḍl dan Ḥumayd al-Makkī.³⁴

Justeru, berdasarkan analisis struktur sanad dan penilaian para sarjana hadis, riwayat hadis ini dinilai sebagai *da‘if* disebabkan terdapat perawi *majhūl* dan unsur *tafarrud* pada beberapa peringkat sanad.

KESIMPULAN

Berdasarkan penelitian terhadap semua riwayat hadis dalam *Musnad al-Bazzar*, kajian ini menemui dua riwayat berkaitan hadis “Yasin jantung al-Quran”. Melalui analisis yang telah dijalankan, riwayat pertama dinilai sebagai *mawḍū‘* (palsu), manakala riwayat kedua pula dinilai sebagai *da‘if* disebabkan terdapat faktor kelemahan pada sanad yang menjejaskan kekuatan periwayatannya. Penilaian ini juga adalah berpandukan pandangan sarjana hadith.

Justeru, dapatan kajian ini memberi indikasi bahawa hadis-hadis yang diriwayatkan oleh al-Bazzār dalam *Musnad*-nya tidak boleh diterima secara langsung tanpa penelitian mendalam terhadap aspek sanad dan matan memandangkan karya tersebut disusun sebagai himpunan riwayat yang mempunyai elemen ‘*ilal*’ yang berfungsi sebagai medium pengesanan kecacatan sanad dan bukan sebagai autoriti penerimaan yang muktamad. Sehubungan dengan itu, kajian ini menyumbang kepada wacana kritik hadis dengan memperkukuh keperluan pembacaan *Musnad al-Bazzār* dalam kerangka epistemologi yang tepat sekali gus menegaskan kepentingan analisis sanad dan matan secara bersepadu dalam disiplin ilmu hadis kontemporari.

³³ Al-Malāḥ, Maḥmūd bin Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān. (2010). *Al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah allatī ḥakama ‘alayhā al-Ḥāfiẓ Ibn Kathīr fī Tafsīrih*. Al-Madīnah al-Munawwarah: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Ḥikam, hlm. 230.

³⁴ Ibn ‘Abd al-Laṭīf al-Shinqīṭī, Muḥammad ‘Amr bin ‘Abd al-Laṭīf bin Muḥammad bin ‘Abd al-Qādir bin Riḍwān bin Sulaymān bin Miftāḥ bin Shāhīn. (2005/1426H). *Aḥādīth wa Mawrīyāt fī al-Mīzān 1: Ḥadīth Qalb al-Qur‘ān Yāsīn*. Makkah al-Mukarramah: Multaqā Ahl al-Ḥadīth, hlm. 40

RUJUKAN

- Afriansyah, J. A. J. (2024). Tinjauan Ma'anil Hadis Tentang Jantung alquran Terhadap Kebiasaan Membaca Yasin di Masyarakat. *Ta'wiluna: Jurnal Ilmu Al-Qur'an, Tafsir dan Pemikiran Islam*, 5(3), 654-665.
- Ahliya, S., & Darti, A. (2024). Analisis Praktik Dan Pemahaman Masyarakat Terhadap Pembacaan Yasin 41 (Studi Living Quran Di Desa Besilam Kecamatan Padang Tualang Kabupaten Langkat). *Kamaya: Jurnal Ilmu Agama*, 7(2), 226-239.
- Aḥmad ibn Ḥanbal. (2001). *al-ʿIlal wa Maʿrifat al-Rijāl* (Waṣiyy Allāh ibn Muḥammad ʿAbbās, Ed., 3 vols.). Riyadh: Dār al-Khānī.
- Al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn. (1992). *Silsilah al-aḥādīth al-ḍaʿīfah wa al-mawḍūʿah wa atharuhā al-sayyiʿ fī al-ummah* (cet. 1). Riyadh: Dār al-Maʿārif.
- Al-Bayhaqī, Aḥmad ibn al-Ḥusayn. (2003). *Shuʿab al-īmān* (ʿAbd al-ʿAlī ʿAbd al-Ḥamīd Ḥamīd, Ed.; Mukhtār Aḥmad al-Nadwī, Supervising Ed., 14 vols.). Riyadh, Saudi Arabia: Maktabat al-Rushd.
- Al-Bazzār, Aḥmad ibn ʿAmr ibn ʿAbd al-Khālīq ibn Khallād ibn ʿUbayd Allāh al-ʿAtakī. (1988–2009). *Musnad al-Bazzār al-manshūr bi-ism al-Baḥr al-Zakḥkhār* (Maḥfūz al-Raḥmān Zayn Allāh, Ed., vols. 1–9; ʿĀdil ibn Saʿd, Ed., vols. 10–17; Ṣabrī ʿAbd al-Khālīq al-Shāfiʿī, Ed., vol. 18). Madinah: Maktabat al-ʿUlūm wa al-Ḥikam.
- Al-Dārimī, ʿAbd Allāh ibn ʿAbd al-Raḥmān ibn al-Faḍl. (2000). *Musnad al-Dārimī al-maʿrūf bi-Sunan al-Dārimī* (Ḥusayn Salīm Asad al-Dārānī, Ed., 4 vols.). Riyadh: Dār al-Mughnī li al-Nashr wa al-Tawzīʿ.
- Al-Dārimī, ʿAbd Allāh ibn ʿAbd al-Raḥmān. (2015). *Musnad al-Dārimī* (Muḥammad ibn Hayyās ʿĀl Marzūq al-Zahrānī, Ed., 2 vols.). Saudi Arabia: Dār al-Mughnī.
- Al-Dūlabī, Muḥammad bin Aḥmad. (2000). *Al-Kunā wa al-Asmāʾ* (Abū Qutaybah Naẓar Muḥammad al-Fāryābī, Ed.; Jil. 1–3). Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Alfi, M. (2025). *Penghayatan Surah Yasin dalam Prosesi Pembacaan Ratibul Haddad Di Majelis Dzikir Nuurul Khairaat Cabang Bolaang Mongondow Utara (Studi Living Qur'an)* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Datokarama Palu).
- Al-Malāḥ, Maḥmūd bin Muḥammad bin ʿAbd al-Raḥmān. (2010). *Al-Aḥādīth al-ḍaʿīfah wa al-Mawḍūʿah allatī ḥakama ʿalayhā al-Ḥāfiẓ Ibn Kathīr fī Tafsīrih*. Al-Madīnah al-Munawwarah: Maktabah al-ʿUlūm wa al-Ḥikam.
- Al-Marwazī, Muḥammad bin Naṣr. (1988). *Mukhtaṣar Qiyām al-Layl wa-Qiyām Ramaḍān wa-Kitāb al-Witr* (Aḥmad bin ʿAlī al-Maqrīzī, Comp.). Fayṣalābād: Ḥadīth Academy.
- Al-Qudāʾī, Muḥammad bin Salāmah. (1986). *Musnad al-Shihāb* (Ḥamdī bin ʿAbd al-Majīd al-Salafī, Ed.; Jil. 1–2). Beirut: Muʿassasat al-Risālah.
- Al-Tirmidhī, Muḥammad bin ʿĪsā. (1998). *Al-Jāmiʿ al-Kabīr: Sunan al-Tirmidhi* (Bashshār ʿAwwād Maʿrūf, Ed.; Jil. 1–6). Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Azrin Wahid. (2021, Julai 16). *Inilah sebab mengapa surah Yasin dikatakan sebagai jantung al-Quran*. UtusanTV. <https://utusan.com.my/2021/07/16/inilah-sebab-mengapa-surah-yasin-dikatakan-sebagai-jantung-al-quran/>

- Haleem, M. A. S. A., & محمد عبد الحليم. (2013). The Core of the Qur'an: Sūrat Yā Sīn (Q. 36) / قلب القرآن؛ سورة يس. *Journal of Qur'anic Studies*, 15(2), 65–82. <http://www.jstor.org/stable/24280440>
- Ibn 'Abd al-Laṭīf al-Shinqīṭī, Muḥammad 'Amr bin 'Abd al-Laṭīf bin Muḥammad bin 'Abd al-Qādir bin Riḍwān bin Sulaymān bin Miftāḥ bin Shāhīn. (2005/1426H). *Aḥādīth wa Mawrīyāt fī al-Mīzān 1: Ḥadīth Qalb al-Qur'ān Yāsīn*. Makkah al-Mukarramah: Multaqā Ahl al-Ḥadīth.
- Ibn Abī Ḥātim al-Rāzī, 'Abd al-Raḥmān ibn Muḥammad. (2006). *Al-'ilal* (Sa'd ibn 'Abd Allāh al-Ḥumayd & Khālīd ibn 'Abd al-Raḥmān al-Juraysī, Eds., 7 vols.). Riyadh, Saudi Arabia: Maṭābi' al-Ḥumaydī.
- Ibn Abī Ḥātim, 'Abd al-Raḥmān bin Muḥammad bin Idrīs al-Rāzī. (1952). *Al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* (Jil. 1–9). Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Ibn Abī Shaybah, 'Abd Allāh bin Muḥammad bin Ibrāhīm bin 'Uthmān al-'Absī. (1989). *al-Kitāb al-Muṣannaf fī al-Aḥādīth wa al-Āthār* (Kamāl Yūsuf al-Ḥūt, Ed.; Jil. 1–7). Riyadh: Maktabat al-Rushd.
- Ibn 'Adī, 'Abd Allāh ibn 'Adī al-Jurjānī. (1997). *Al-kāmil fī du'afā' al-rijāl* ('Ādil Aḥmad 'Abd al-Mawjūd & 'Alī Muḥammad Mu'awwad, Eds.). Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Kharrāṭ, 'Abd al-Ḥaqq ibn 'Abd al-Raḥmān. (2001). *Al-aḥkām al-shar'iyyah al-kubrā* (Ḥusayn ibn 'Ukāshah, Ed.). Riyadh, Saudi Arabia: Maktabat al-Rushd.
- Ibn al-Qaṭṭān, 'Alī bin Muḥammad bin 'Abd al-Malik al-Katāmī al-Ḥimyarī al-Fāsī. (1997). *Bayān al-Waḥm wa al-Īhām fī Kitāb al-Aḥkām* (al-Ḥusayn Āyt Sa'īd, Ed.; Jil. 1–6). Riyadh: Dār Tayyibah.
- Ibn al-Ṣalāḥ, 'Uthmān ibn 'Abd al-Raḥmān. (2002). *Ma'rifah anwā' 'ilm al-ḥadīth* (Taḥqīq: 'Abd al-Laṭīf al-Ḥamīm & Māhir Yāsīn al-Faḥl, cet. 1). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Ḥibbān, Muḥammad bin Ḥibbān Abū Ḥātim al-Dārimī al-Bustī. (1988). *al-Iḥsān fī Taqrīb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* (Shu'ayb al-Arna'ūt, Ed.; 'Alā' al-Dīn 'Alī bin Balabān al-Fārisī, Arr.; Jil. 1–18). Beirut: Mu'assasat al-Risālah.
- Ibn Ḥibbān, Muḥammad ibn Ḥibbān al-Bustī. (1973). *Al-thiqāt* (Muḥammad 'Abd al-Mu'īd Khān, Supervising Ed., 9 vols.). Hyderabad, India: Dā'irat al-Ma'ārif al-'Uthmāniyyah.
- Ibn Qudāmah al-Maqdisī, 'Abd Allāh ibn Aḥmad. (n.d.). *Al-muntaqā min 'ilal al-Khallāl* (Tāriq ibn 'Awḍ Allāh ibn Muḥammad, Ed.). Riyadh, Saudi Arabia: Dār al-Rāyah.
- Ibn Quṭlūbughā, Qāsim ibn Quṭlūbughā al-Ḥanafī. (2011). *Al-thiqāt mimman lam yaq'a fī al-kutub al-sittah* (Shādī ibn Muḥammad ibn Sālim Āl Nu'mān, Ed., 9 vols.). Ṣan'ā', Yemen: Markaz al-Nu'mān li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah.
- Muhammad 'Amr bin 'Abd al-Latif bin Muhammad bin 'Abd al-Qadir bin Ridwan bin Sulaiman bin Miftah bin Shahin al-Shanqiti (w. 1429H), *Aḥādīth wa Riwayāt fī al-Mīzān 2 – Ḥadīth al-Faynah, bahagian al-Takhrīj wa al-Aṭrāf*, Makkah al-Mukarramah: Multaqā Ahl al-Ḥadīth, hlm. 174.

- Muslim ibn al-Ḥajjāj al-Naysābūrī. (t.t.). *Al-Musnad al-ṣaḥīḥ al-mukhtaṣar (Ṣaḥīḥ Muslim)* (Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī, Ed., 5 vols.). Beirut, Lebanon: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Rosida, S. (2017). Surah Yasin dalam Tafsir al-Ibriz. *Diya Al-Afkar: Jurnal Studi al-Quran dan al-Hadis*, 5(02), 243-260.
- Rushihi, A. A. (2025). Ketokohan dan Pengaruh Al-Bazzār Dalam Ilmu Hadith: Tinjauan Terhadap Musnad Al-Bazzār: The Eminence and Influence of al-Bazzār in Hadith Studies: An Analytical Review of Musnad al-Bazzār. *Journal of Hadith Studies*, 10(1 (SI), 33–41. Retrieved from <https://journalofhadith.usim.edu.my/index.php/johs/article/view/345>
- Yusliana, Y. (2024). *Tradisi membaca Surah Yasin sebelum Shalat Jum'at di Pondok Pesantren Baburrohman di Desa Trapung Raya Kecamatan Muara Batang Toru Kabupaten Tapanuli Selatan* (Doctoral dissertation, UIN Syekh Ali Hasan Ahmad Addary Padangsidimpuan).